

NO. SOALAN: 169

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG

RUJUKAN : 9433

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan laporan polis terhadap ancaman di dalam laman media sosial terhadap nyawa YAB Ketua Menteri dan juga terhadap ahli keluarganya yang berunsur fitnah jahat termasuk anak saya mencabuli kehormatan pelajar perempuan sedarjahnya. Mengapa tidak ada sebarang tindakan diambil berbanding dengan tindakan tegas terhadap mereka yang mencemuh penipuan Kerajaan BN.

JAWAPAN:

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima 6 laporan polis melibatkan anak Ketua Menteri Pulau Pinang yang didakwa mencabul kehormatan rakan sekolahnya dan kononnya telah dibayar sejumlah wang untuk memastikan berita ini tidak tersebar melalui media sosial. Kes ini telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan dan sehingga kini tiada mangsa cabul seperti yang didakwa telah tampil untuk memberikan keterangan bagi mengesahkan kejadian tersebut. Kes ini masih lagi dalam siasatan bagi mengenal pasti mereka yang terlibat dalam penyebaran berita ini.